

26.7.2019

SIARAN MEDIA

KECEKAPAN TENAGA KERJA KEKALKAN BEKALAN AIR YANG BAIK SELAMA 20 TAHUN DI PULAU PINANG

- **PBAPP mengekalkan liputan bekalan 100% di bandar dan 99.8% di luar bandar pada tahun 2018 dengan nisbah kakitangan kepada pengguna yang efisien dan tiada penyumberluaran fungsi kejuruteraan bekalan air utama.**

PULAU PINANG, Jumaat, 26.7.2019: Kecekapan tenaga kerja dan tiada penyumber luaran operasi kejuruteraan bekalan air utama adalah faktor utama yang telah mengekalkan perkhidmatan bekalan air yang baik di Pulau Pinang sejak 20 tahun yang lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif PBA Holdings Bhd dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) Dato' Ir. Jaseni Maidinsa berkata PBAPP telah dikorporatkan pada tahun 1999.

“Banyak perkara telah berubah dengan ketara dalam 20 tahun. Pertama, penggunaan air di Pulau Pinang meningkat sebanyak 56.7%, daripada 536 juta liter sehari (MLD) kepada 840 MLD dalam tempoh 1999 hingga 2018.

“Kedua, pelanggan kami, dari segi pengguna air berdaftar di Pulau Pinang, meningkat sebanyak 82.0% daripada 338,523 pengguna pada 1999 kepada 616,082 pengguna pada 2018,” katanya.

Dato Ir. Jaseni berkata PBAPP mempunyai 999 kakitangan untuk berkhidmat kepada 338,523 pengguna air berdaftar pada tahun 1999; dan 1,374 kakitangan untuk memberi perkhidmatan kepada 616,082 pengguna pada 2018.

“Pada tahun 1999, nisbah kakitangan kepada pengguna kami ialah 1: 339. Pada tahun 2018, kami mencapai nisbah seorang kakitangan kepada pengguna sebanyak 1: 448. Nisbah ini mencerminkan kecekapan tenaga kerja yang lebih baik. Ia merupakan salah satu petunjuk utama kecekapan keseluruhan PBAPP sebagai operator bekalan air,” kata beliau ketika



Majlis Anugerah Perkhidmatan Lama 2019 di Hotel The Wembley St. Giles di sini semalam.

Ketua Menteri Pulau Pinang YAB Tuan Chow Kon Yeow menjadi tetamu kehormatan pada majlis itu, yang mana beliau menyampaikan sijil simpanan premium bank bernilai RM104,000 dan Anugerah Perkhidmatan Lama kepada 47 kakitangan PBAPP yang telah berkhidmat antara 25 tahun, 30 tahun dan 35 tahun di PBAPP dan sebelum itu, Pihak Berkuasa Air (PBA).

Satu daripada yang terbaik di Malaysia

Dato' Ir. Jaseni berkata nisbah kecekapan PBAPP pekerja kepada pengguna 1 : 448 adalah satu daripada yang terbaik di Malaysia.

“Apabila kita membandingkan kecekapan tenaga kerja, kita mesti mempertimbangkan dua faktor: penyumberluaran dan perolehan operasi.

“Sesetengah operator air melaporkan nisbah yang tinggi pada 2017, tetapi mereka menyumber luar pengeluaran air atau untuk operasi lain. Sementara itu, pengendali lain masih kurang kakitangan kerana liputan bekalan air di negeri mereka berada di bawah purata kebangsaan 97.2% di kawasan bandar dan 93.9% di kawasan luar bandar,” tambah beliau.

Komitmen penuh kepada khidmat awam yang baik

Dato' Ir. Jaseni berkata liputan bekalan air PBAPP adalah 100.0% di kawasan bandar dan 99.8% di kawasan pedalaman, 24/7, pada 2018. Beliau menambah bahawa PBAPP memperolehi pencapaian ini dengan tiada khidmat luar operasi utama kejuruteraan air.

“PBAPP bertanggungjawab untuk bekalan air di Pulau Pinang, 24 jam 7 hari seminggu. Kami melayani 1.77 juta rakyat, serta beribu-ribu perniagaan di negeri ini yang menyumbang RM89.3 bilion kepada KDNK kebangsaan pada tahun 2017*.

“Keutamaan harian kami adalah bekalan air bersih yang berterusan tanpa catuan air. Oleh itu, kami tidak menyumber luar mana-mana operasi kejuruteraan bekalan air yang boleh menjejaskan keutamaan ini,” kata beliau lagi.



Daripada menyumber luar atau *outsourcing*, kami melatih kakitangan untuk melakukan pekerjaan dengan cekap dan memberi keutamaan kepada bekalan air yang berterusan di Pulau Pinang berbanding perkara lain.

“Tidak semua orang boleh melaksanakan pekerjaan di PBAPP dan terus cemerlang. Untuk permulaannya, seseorang itu perlu mempunyai kelayakan dan pengetahuan yang sepatutnya, Minda khidmat awam yang betul, kepakaran kejuruteraan bekalan air yang spesifik dan pengalaman yang diperoleh sejak bertahun-tahun adalah juga penting,” kata Dato’ Ir. Jaseni.

“Ada banyak sebab untuk mengiktiraf dan menghormati sumbangan kakitangan yang telah lama berkhidmat.

“Mereka memastikan tugas harian mudah, disebabkan kepakaran dan pengalaman mereka. Mereka berkongsi pengetahuan dan pandangan dengan “orang baru”. Mereka memimpin dalam kerja berpasukan. Mereka tahu perkara yang betul untuk dilakukan ketika senario kecemasan atau krisis. Yang paling penting, mereka setia kepada PBAPP dan Pulau Pinang”, tambah beliau.

*Sumber: Jabatan Statistik Malaysia, dikira daripada sumbangan Pulau Pinang sebanyak 6.6% KDNK Malaysia berjumlah RM1,353.4 bilion (pada harga semasa) bagi 2017.

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my